

# KSN: Guna perisian khas sekatan lucah di Internet

UM 26 MAY 2005  
Oleh MUSTAFA KAMAL BASRI

**K**UALA LUMPUR 25 Mei — Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Samsudin Osman mengarahkan semua ketua jabatan menggunakan perisian tertentu bagi menyekat penyaluran bahan lucah melalui Internet di pejabat kerajaan.

Beliau berkata, pada masa ini beberapa jabatan kerajaan termasuk Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah menggunakan perisian seumpama itu.

“Ketua-ketua jabatan kena prihatin dengan perkembangan dan mengambil tindakan melaksanakan perkara itu,” katanya di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad supaya ke-

rajaan dan ibu bapa memasang perisian khas komputer bagi menyekat penyaluran bahan lucah melalui Internet di negara ini.

Dr. Mahathir semasa menyampaikan ucapan pada persidangan antarabangsa mengenai Pengurusan Teknologi Maklumat dan Komunikasi 2005 di Melaka pada Isnin lalu, berkata perisian khas itu bagi menyekat orang ramai mengakses bahan lucah di Internet.

Menurut Dr. Mahathir langkah itu bagi membendung keruntuhan moral di kalangan generasi muda khususnya.

Samsudin berkata, jabatan kerajaan perlu memasang perisian khas itu bukan sahaja bagi menyekat kakitangan awam daripada mengakses bahan lucah tetapi juga bahan-bahan lain yang boleh menjejaskan produktiviti.

Walaupun, belum ada laporan diterima kakitangan awam

menyalahgunakan kemudahan Internet di pejabat kerajaan, tetapi ketua-ketua jabatan kena mengambil langkah pencegahan.

“Cadangan Dr Mahathir itu sangat baik sebagai langkah pencegahan,” katanya.

Mengenai kemudahan Internet di pejabat-pejabat kerajaan, Samsudin berkata, kerajaan telah memperkenalkan Tatacara Penggunaan Internet dan Mel Elektronik bagi panduan agensi-agensi kerajaan pada 28 November, 2003.

Katanya, tatacara itu menerangkan tentang apa yang boleh dan apa yang tidak boleh dilakukan semasa menggunakan e-mel dan Internet di pejabat-pejabat kerajaan.

“Ia bagi memastikan tidak ada unsur-unsur atau perbuatan yang boleh mengancam keselamatan, ketuhanan, kerahsiaan maklumat dan melemahkan sistem teknologi maklumat dan

pengurusan rekod elektronik yang disimpan di pejabat-pejabat kerajaan,” tambah beliau.

Samsudin berkata, tatacara itu juga penting bagi mengelakkan ada gangguan kepada rangkaian sistem teknologi maklumat yang boleh merosakkan imej perkhidmatan awam di negara ini.

“Tatacara itu bukan sahaja menghalang kakitangan awam mengakses bahan lucah tetapi juga soal keselamatan dan keadaan tidak selamat kepada rahsia kerajaan,” katanya.

Surat pekeliling menjelaskan tentang penjawat awam dilarang melanggar tatacara itu, telah diedarkan, katanya.

Beliau berkata, kakitangan awam yang melanggar tatacara itu boleh dikenakan tindakan seperti diberi amaran atau tindakan tatatertib, bergantung kepada serius mana kesalahan yang dilakukan.